



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 13 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	MAHA 2024 TARGETS RM167m IN SALES WITH GO GLOBAL, NST -ONLINE MAHA 2024: 13 MOU RM21 JUTA DIMETERAI, UM -ONLINE MAHA 2024: PAVILION MELAKA CATAT NILAI JUALAN LEBIH RM6,000 PADA HARI PERTAMA, MELAKA HARI INI -ONLINE MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BERSEMPENA MAHA 2024, SIAKAP KELI -ONLINE MoU CECAH NILAI RM21.3 JUTA DIMETERAI PADA HARI PERTAMA MAHA 2024, SUARA KEADILAN -ONLINE CUBAAN SELUDUP KELUAR LEBIH 5 TAN BERS GAGAL, BH -ONLINE POTENSI INDUSTRI PADI TARIK MINAT ORANG MUDA, TANGANI CABARAN ELAK HASIL MEROSOT, KOSMO -ONLINE PROGRAM AGROPRENEUR MUDA, BANTU BELIA TERLIBAT PERTANIAN, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9.	12 LEMBU SELUDUP DIRAMPAS DI TEBING SUNGAI GOLOK, MALAY NEW -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10.	RM12 JUTA PERKASA AGROMAKANAN, KLSCREENER -ONLINE	AGROBANK
11.	MELAKA MAHU LAHIR LEBIH RAMAI PENGUSAHA TEMBIKAI WANGI, MELAKA HARI INI -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Maha 2024 targets RM167m in sales with Go Global

By [Luqman Hakim](#) - September 12, 2024 @ 9:30am



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (right) showing the Maha 2024 advertisement emblazoned on the automated platform gates (APG) at the UPM Serdang MRT station on Monday. BERNAMA PIC

THE Agriculture and Food Security Ministry has set an ambitious target for the ongoing Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition (Maha) 2024, aiming to generate RM167 million in business sales throughout the event.

The ministry's Business Development and Investment Department secretary Khalid Ibrahim said this goal was backed by a series of initiatives, particularly introducing the "Maha Go Global" programme, which seeks to elevate Malaysia's agri-food sector to an international platform.

The programme, ongoing until tomorrow, will focus on what has been dubbed "Trade Days".

Khalid said this segment aims to connect local agricultural players with international partners through a series of business-to-business (B2B) engagements.

ADVERTISING

MORE NEWS

- Ministry mulls international 'patent' for Musang King
- Distributive trade growth supports 5.5pct services target for 2024 - analyst
- Selangor projects lower growth rate for 2024 amid global economic slowdown
- Kuching airport dazzles with 'seribu rentak' for Sukma 2024 arrivals

"Maha Go Global provides a dedicated platform for local industry players to engage with international participants through interactive B2B meetings.

"We hope to foster bilateral trade, investment opportunities, and the sharing of expertise and technology," he said in an interview on Tuesday at Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS).



Agriculture and Food Security Ministry's Business Development and Investment Department secretary Khalid Ibrahim

The programme has three main components: the International Trade Expo, the Business and Investment Acceleration Programme, and the Hosted Buyer Programme.

The International Trade Expo, held in Hall C at MAEPS, will host 80 local exhibitors and 60 international exhibitors from 15 countries, showcasing their products and expertise.

In addition to the trade expo, the Business and Investment Acceleration Programme will feature knowledge-sharing sessions in the form of trade forums.

Two key events under this programme are the 2nd Annual Food Security Asia Congress (FSA) and the Trade and Export Talk (TexTalk), which will feature both local and international speakers.

"The Hosted Buyer Programme, another key aspect of Maha Go Global, will see the ministry inviting 73 high-potential buyers from various countries to the event.

"These buyers are carefully selected based on their track record and capacity to import Malaysian agri-food products. The goal is to stimulate high-quality business matching that could lead to significant trade and investment opportunities."

Khalid said business matching sessions will be conducted across all segments of Maha 2024. However, the focus will be on international business matching under Maha Go Global, particularly to encourage the export of Malaysian agri-food products.

"We are targeting at least RM160 million in business matching value through Maha Go Global activities. To achieve this, we are working closely with relevant agencies to facilitate B2B engagements.

"We are also conducting rigorous selection processes to ensure that only highly competitive, export-ready companies and high-potential buyers participate in these sessions," he said.

As part of these efforts, the ministry has developed an online system that allows potential buyers to submit business inquiries or specify the products they are interested in.

This system helps streamline the business matching process, ensuring that both local entrepreneurs and international buyers are well-prepared to seize opportunities at the event.

"Our goal is to ensure that local entrepreneurs are equipped to engage with international buyers and secure meaningful business deals."

It was also understood that Maha Go Global would focus on high-value, export-oriented products.

This includes the 'king of fruits' durian, aquaculture products, bird's nest, floriculture, and processed food items that have strong demand in global markets.

Additionally, Maha Go Global will also emphasise on knowledge sharing and technology adoption.

With more than 16 countries participating as exhibitors and 73 hosted buyers, Maha 2024 presents a valuable opportunity for local entrepreneurs to tap into international markets.

The ministry has consistently facilitated the development and marketing of local products, and Khalid encouraged entrepreneurs to make the most of the opportunities available at the event.

"Local entrepreneurs and industry players can explore the potential of their products and services in international markets.

"They can also engage directly with representatives from foreign countries to gain insights into trade and product development," he said, adding that the ministry expects at least 6,500 individuals to visit the Maha Go Global segment.

The ministry is also welcoming companies and individuals interested in exploring investment opportunities in the agri-food sector.

"We have partnered with agencies such as the Malaysian Investment Development Authority (MIDA) and the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) to facilitate investment matching.

"Agencies like the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) will also be on hand to assist with certification processes."

Khalid expressed his aspiration for Maha 2024 to serve as a catalyst for the agri-food sector's potential.

"We hope that the younger generation, in particular, will see that modern agricultural practices can be both profitable and rewarding."



Iklaneka **BELI 1 PERCUMA 2**
 Dengan pembelian 1 iklan, percuma siaran iklan 3 hari berturut-turut
 Promosi sah sehingga 31 Disember 2024

Untuk pengiklanan sila hubungi
sales@mediamulia.com.my

Utusan Malaysia **85**
 1939-2024
 MEMERULUKAN LEGASI KEMERDEKAAN

LOG MASUK LANGGAN

MAHA 2024: 13 MoU RM21 juta dimeterai



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies

anda bagi meningkatkan


Dron bersaiz besar yang digunakan untuk meracun tanaman dipamerkan sempena MAHA 2024 di Taman Eksploasi dan Inovasi Pertanian (TEIP) di sini semalam.

laman web kami.

Oleh MEDIA MULIA 12 September 2024, 6:54 am

SERDANG: Hari pertama Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 semalam menyaksikan 13 memorandum persefahaman (MoU) dengan jumlah lebih RM21 juta dimeterai. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kebanyakan MoU yang dimeterai banyak membabitkan industri nanas. Menurut beliau, industri nanas kini antara fokus kementeriannya. "Kita nampak industri nanas boleh...

ADVERTISING

**Advancing Climate Solutions**ExxonMobil ExxonMobil - Sponsored[Learn More](#)

Sila [Log Masuk](#) atau [Langgan](#) untuk membaca berita sepenuhnya

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di

Laman web ini akan menyimpan
dan menggunakan data cookies
anda bagi meningkatkan

Tags: [MAHA 2024](#) [top](#)
pengalaman sepanjang berada di
laman web kami.

BERITA BERKAITAN

Utama Terkini Lokal

Nasional Podcast Akhbar Digital

Info
Grafik

KETUA Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (tengah) menyempurnakan gimik Majlis Perasmian Pavillion Negeri Melaka bersempena dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Tahun Melawat
Melaka 2024MAHA 2024: PAVILION
MELAKA CATAT NILAI
JUALAN LEBIH RM6,000
PADA HARI PERTAMALIANA SAHABUDIN
KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2024 @ 13:00

Masa Membaca: 1 Minit, 9 Saat

SERDANG 12 September – Pavilion Negeri Melaka atau Rumah Melaka merekodkan jualan pelbagai produk usahawan negeri ini berjumlah RM6,321.50 pada hari pertama Sambutan Edisi ke-100 Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor, semalam.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, Kerajaan Negeri menasarkankan nilai jualan sebanyak RM80,000 di Pavilion Melaka sepanjang penganjuran MAHA 2024 bermula semalam hingga 22

MELAKA TV


11 September 2024



11

September – Layang-layang terbesar di Malaysia ada di Melaka? Khas buat peminat layang-layang, kraftangan, makanan dan minuman, jom beramai-ramai kita memeriahkan Karnival Usahawan @ Festival Layang-Layang Antarabangsa

Ubah saiz





10

September - Melaka terus menjadi lokasi penganjuran acara bertaraf antarabangsa, kali ini menerusi Smart Melaka International Conference and Exhibition 2024 (SMIX 2024). Persidangan dan pameran itu akan diadakan pada [...]

“Saya harap semua usahawan Melaka yang mengambil bahagian pada MAHA 2024 merebut peluang memperkenalkan dan mempromosikan produk keluaran masing-masing,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pavilion Negeri Melaka pada MAHA 2024 di MAEPS Serdang di sini, hari ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Azhar Arshad; Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Wira Salhah Salleh, barisan Timbalan Exco Kerajaan Negeri serta lain-lain para kenamaan.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata penglibatan Pavilion Negeri Melaka kali ini adalah untuk memperkenalkan lebih banyak produk-produk baharu.

“MAHA kali ini ada peningkatan dalam penambahbaikan dalam memperkenalkan produk baharu pengusaha-pengusaha kecil Melaka.

“Saya yakin ini adalah ruang terbaik untuk usahawan tempatan mengetengahkan produk diusahakan,

jung
Pesta
lagi
PREVIOUS POST

PAN
unta
NEXT POST

LAMAN UTAMA

AUTOMOTIF

SUKAN

HIBURAN

LAGI

PENDAPAT

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Bersempena MAHA 2024

Oleh Nurul Naqiyah
7 jam lepas

Hebahan



Gambar hiasan

Sumber : BERNAMA



Untuk berita lebih pantas, follow Siakap Keli di [Telegram](#)



Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU)



See where creativity can take you.
Explore Adobe Creative Cloud All Apps, the ultimate
toolkit for design, photo editing, and more.

[Try for free](#)

PUTRAJAYA, 11 SEPTEMBER 2024 – Pertukaran 13 Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, MOU) telah berjaya dilaksanakan melibatkan kerjasama strategik antara 10 syarikat dan institusi tempatan, serta 8 syarikat dari luar Negara.

Majlis ini telah diadakan bersempena dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Majlis Pertukaran MOU ini dilaksanakan bertujuan bagi mengoptimumkan platform MAHA 2024 sebagai salah satu ekspo pertanian terbesar di Asia Tenggara, dengan fokus untuk menggalakkan kerjasama perdagangan dan pelaburan dalam dan luar negara.

ADVERTISEMENT

Powered by GliaStudio

Inisiatif ini merupakan salah satu komponen di bawah segmen **MAHA Go Global**, yang buat pertama kalinya diperkenal dan dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan aktif pempamer dan pemain industri dari luar negara.



YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Makanan, telah hadir bagi menyaksikan dan menandatangani MOU tersebut.

> Baca lagi

Kerjasama yang terjalin meliputi pelbagai bidang teknologi, pelaburan, dan perdagangan, khususnya agroteknologi dan input pertanian. Nilai keseluruhan

MoU cecah nilai RM21.3 juta dimeterai pada hari pertama MAHA 2024



Sebanyak 13 memorandum persefahaman (MoU) nilai mencecah RM21.3 juta berjaya dimeterai pada hari pertama pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, MoU itu merangkumi pembabitan kerjasama strategik antara 10 syarikat dan institusi tempatan serta lapan syarikat dari luar negara dengan kebanyakannya membabitkan sektor berkaitan tanaman nanas.

"Untuk memastikan kecekapan dan kemampunan pengeluaran makanan dalam komoditi dan industri di Malaysia, mengadaptasi teknologi moden dan amalan pertanian terbaik adalah pendekatan penting.

"Dengan pelaburan dan kolaborasi yang besar, pengeluaran makanan yang mampan ditetapkan untuk memangkin pembangunan industri hiliran boleh mewujudkan kesan berganda yang positif.

"Untuk itu, kolaborasi melalui MoU ini memainkan peranan mustahak dalam mengukuhkan lagi persaingan dalam sektor pertanian di peringkat global.

"Melalui kerjasama antara entiti tempatan dan antarabangsa, MoU seperti ini membolehkan usaha dari aspek pertukaran kepakaran, teknologi dan sumber, memacu inovasi dan amalan mampan dalam sektor," katanya dipetik.

Terdahulu Arthur menyaksikan pertukaran MoU itu sempena MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang pada Rabu.

MAHA 2024 berlangsung sehingga 22 September ini dengan mengetengahkan tema 'Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom', sekali gus menandakan penganjuran kali ke-100 acara dwitahunan itu.

KPKM menyasarkan RM6 bilion nilai memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dimeterai selain turut menyasarkan RM40 juta nilai jualan langsung sepanjang pameran itu berlangsung.



Khamis, 12 September 2024, 8:56 PM

Johor • Seremban • Beijing • and more

NUSANTARA KES PULAU PINANG PERAK PERAKUTANJANG SELATAN



Cubaan seludup keluar lebih 5 tan beras gagal

LET'S GO PLACES TOGETHER!

Oleh [Abdul Rahemang Taiming](#) - September 12, 2024 @ 8:18am

bhnews@bh.com.my



Bot Jongkong yang sarat dengan muatan BPI 5% bersubsidi disita Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Tawau, kelmarin. - Foto ihsan Ihsan Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Tawau.

TAWAU: Cubaan menyeludup keluar lebih lima tan Beras Putih Import (BPI) bersubsidi melalui jeti haram di Batu 3 Jalan Apas dekat sini, kelmarin gagal.

Rampasan beras dilakukan menerusi serbuan Pejabat Kawalselia Padi dan Beras Tawau, di jeti berkenaan kira-kira jam 4 petang.

Ketua Cawangannya, Mohd Nur Edzudin A Bakar, berkata berdasarkan risikan, serbuan dilakukan ke atas sebuah bot jongkong yang sedang memunggah barang dagangan di jeti berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemukan sejumlah 103 guni BPI bersubsidi disorok di ruang paling bawah bot jongkong terbabit yang dilitupi dengan beras pulut dan barangan lain.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- 645 tan beras dirampas dari gudang tiada lesen
- 94 iklan 'online' jual beras seludup, tanpa lesen di platform e-dagang diturunkan
- 'Pindahan padi di antara negeri masih dibeku sejak Jun tahun lalu' - KPB
- Harga beras putih tempatan perlu munasabah - MADA
- Langgar 2 urus niaga berkaitan beras, kilang di Kedah didenda RM12,000
- Jenayah penyeludupan tumpas, polis rampas lebih RM5 juta pelbagai barangan

- Tiada permohonan Kedah keluarkan Beras Kedah
- 'Tiada kartel, mafia monopoli industri padi, beras negara'

"Sejumlah 5,150 kilogram beras dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM11,587.50 kemudiannya disita kerana disyaki cuba diseludup keluar ke negara jiran tanpa sebarang deklarasi dibuat oleh pemilik lesen barang dagangan terbabit.

"Barang rampasan dibawa dan di simpan di Gudang Bernas Tawau untuk tindakan dan siasatan lanjut mengikut Akta 522, Akta Kawalan Padi dan Beras, 1994," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Ad removed. [Details](#)

Individu yang disabitkan kesalahan boleh dihukum di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, (Akta 522) yang memperuntukkan denda tidak lebih RM 15,000 atau 6 bulan penjara atau kedua duanya sekali.



PASSIVE INCOME

Trending: People In Kuala Lumpur Are Earning RM9,800+ A Day From This

LEARN

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mei 22, 2024 @ 11:51am

645 tan beras dirampas dari gudang tiada lesen



NASIONAL Jul 3, 2024 @ 10:36am

94 iklan 'online' jual beras seludup, tanpa lesen di platform e-dagang diturunkan



Home » Potensi industri padi tarik minat orang muda, tangani cabaran elak hasil merosot

Potensi industri padi tarik minat orang muda, tangani cabaran elak hasil merosot

Dian NGRUDA AKMAR (KMG) | 12 September 2024, 8:00 am





Mohd. Adib (kanan) mendapat bimbingan daripada kakitangan BERNAS untuk menambah baik hasil sawah di Kampung Hujung di Telok Kechai, Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

ALOR SETAR – Sejak dari kecil, Mohd. Adib Hasanain Ahmad, 30, yang berasal dari Telok Kechai, Jalan Kuala Kedah, dekat sini, sudah didedahkan dengan kerja-kerja di sawah oleh bapanya, Ahmad Husin.

Sebagai anak pesawah dan satu-satunya anak lelaki dalam keluarga, Mohd. Adib menjadi orang harapan untuk mengusahakan kira-kira 14 hektar sawah milik bapanya itu.

Meneruskan legasi keluarga sebagai pesawah

ADVERTISING


Dell - Sponsored

Refurbished tech to power up your potential.

[Shop Now](#)

Work faster and smarter with a refurbished PC upgrade.

[Shop Now](#)

[Shop](#)

Tanpa berdolak-dalik, anak bongsu daripada enam beradik itu mula serius mengusahakan sawah pada usia 17 tahun dan tanggung jawab tersebut semakin berat setelah bapanya meninggal dunia pada 2017.

Menurut Mohd. Adib, selain mahu meneruskan legasi arwah bapa, dia sememangnya amat meminati bidang pertanian dan berazam untuk mengusahakannya sehingga berjaya.



“Selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya usahakan sawah secara serius dan Alhamdulillah pendapatan yang diperoleh berbaloi, jadi saya nekad untuk terus bersungguh-sungguh dalam bidang ini,” katanya ketika ditemui di Kampung Hujung, Telok Kechai di sini baru-baru ini.

Kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana itu, dia memperoleh pendapatan kira-kira RM140,000 semusim hasil tuaian 19 hektar sawah yang kini diusahakannya.

Cabaran pesawah muda

ADVERTISING

Meskipun terdapat peluang untuk menjana pendapatan yang baik dalam bidang pertanian terutama kepada orang muda, namun ada banyak cabaran perlu ditempuhi dan ditangani dalam memastikan hasil diperoleh meningkat dan berkualiti.

"Cabaran utama adalah kos input pertanian yang tinggi terutama harga diesel. Rata-rata pesawah kini bimbang apabila perlu berhadapan dengan kenaikan upah mesin menuai padi dan membajak susulan penstrukturan subsidi diesel pada Julai lalu," ujarnya.

Katanya, pada masa sama pesawah terpaksa menerima penetapan harga lantai belian padi yang rendah menyebabkan pendapatan diperoleh berkurangan.

"Jadi, sebagai pesawah muda, saya berharap agar harga lantai belian padi dapat dinaikkan bagi mengimbangi kenaikan kos mengusahakan sawah ketika ini," jelasnya.



Dron boleh digunakan untuk memudahkan urusan penaburan benih padi, baja dan aktiviti meracun serangga dengan lebih cekap dan berkesan.

Di samping itu, ujarnya, pesawah juga terdedah dengan risiko kemerosotan hasil disebabkan cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini serta serangan penyakit dan makhluk perosak.

"Baru-baru ini, padi di beberapa kawasan sawah di negeri ini kurang menjadi kerana cuaca terlalu panas dan kering. Bagi menangani isu itu, sistem pengairan perlu dalam keadaan terbaik kerana proses penanaman padi sangat bergantung kepada air.

"Angin kencang atau ribut juga boleh menyebabkan masalah padi rebah. Hujan lebat berterusan pula boleh mengakibatkan kawasan sawah dilanda banjir, sekali gus mampu menjejaskan hasil," katanya.

Mohd. Adib berkata, cabaran-cabaran itu menyebabkan hasil diperoleh tidak setimpal dengan kos dan usaha yang telah dicurahkan untuk mengusahakan sawah.

"Saya percaya kebanyakan orang muda tidak mahu menjadi pesawah kerana mempunyai persepi bahawa pertanian adalah industri tradisional berpendapatan rendah selain hasil tuaian yang tidak konsisten.

"Ia sekali gus menjadi antara faktor pesawah terutama orang muda lebih memilih untuk bekerja dalam bidang lain yang mempunyai pendapatan tetap setiap bulan," ujarnya.

Sokongan kerajaan dan BERNAS

Di sebalik cabaran-cabaran itu, katanya, dia mampu bertahan dan mampu menjadikan sawah sebagai sumber rezeki dengan sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan.

"Sokongan kewangan menerusi pemberian subsidi termasuk subsidi input oleh kerajaan menerusi agensi dan rakan strategik sangat kami hargai.

"Pihak BERNAS berperanan menguruskan Skim Subsidi Harga Padi serta sering mengunjungi sawah padi untuk menjalankan rutin pemantauan dan memberi khidmat nasihat agronomi untuk meningkatkan hasil padi. BERNAS juga menyediakan jentera pertanian dan peralatan canggih kepada petani untuk meningkatkan kecekapan ketika melakukan kerja-kerja menanam padi, ujamya.

Dalam pada itu, Mohd. Adib berkata, kerja-kerja di sawah kini tidak seperti dulu yang mana pesawah perlu membanting tulang.

"Saya guna dua dron yang mana penggunaan teknologi itu menjadikan kerja-kerja menabur benih dan baja serta meracun menjadi lebih mudah, cepat, berkesan dan sekata berbanding guna tenaga manusia. Saya juga menggunakan sebuah jentera pembajak untuk memudahkan kerja-kerja membajak."

Mohd. Adib bercadang untuk menambah jumlah dron pada masa depan bagi memperkukuh daya saing dan meningkatkan kualiti hasil padi.

"Dua dron dan jentera pembajak ini juga saya sewakan kepada pesawah lain yang mahu menggunakannya dan ia secara tidak langsung dapat menambah pendapatan saya," katanya.

Sementara itu, beliau turut berkata penglibatannya sebagai pesawah turut memberi peluang pekerjaan kepada rakan-rakan yang lain dengan mengupah mereka mengendalikan dron dan jentera pembajak.

"Saya mempunyai enam rakan dan mereka turut membantu mengusahakan sawah di sini. Tenaga orang muda ini sangat diperlukan bagi menjadi pelapis kepada golongan pesawah yang sudah berusia," jelasnya.

Katanya lagi, dia sama sekali tidak menyesal terlibat di dalam industri padi dan mempunyai perancangan untuk menambah keluasan sawah dan menambah dron serta jentera pembajak.

Beriltizam memperluas dan meningkatkan pengeluaran padi

Menurutnya, dia berazam untuk meningkatkan lagi hasil padi dengan menjadi sebahagian daripada Program Pemantauan Ladang BERNAS bagi mendapatkan sokongan dan khidmat nasihat.

"BERNAS membuat pemantauan termasuk menerusi pelaksanaan Jadual Kerja Ladang, memberi bantuan kewangan untuk menampung sebahagian kos input, buat pemantauan berkala mengikut fasa pertumbuhan padi serta membantu mengesan penyakit," tambahnya.

Bagi mereka yang berminat dan mahu mengetahui lebih lanjut tentang industri padi dan beras selain pertanian moden dan teknologi baharu boleh mengunjungi Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang di Selangor pada 11 hingga 22 September.

Tidak mahu terlepas? Ikuti kami di



Tags: bernas dron padi pertanian pesawah petani



mgid

WASSNEW

Kuala Lumpur Banks Are Terrified That People Are Banking RM9,800+ A Day

LEARN

Program Agropreneur Muda, bantu belia terlibat pertanian

Nasional - Dicipta: 12 September 2024 02:05 PM
- Kemas kini: 12 September 2024 02:13 PM



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 12 September—Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berusaha menarik minat belia dalam sektor keusahawanan agro melalui Program Agropreneur Muda.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian KPKM, Hizatul Haliza Hashim berkata ia penting bagi menjamin kelangsungan sumber makanan dalam negara, selain dapat mengeksport dan menjana sumber ekonomi.

"Kami tawarkan adalah khidmat nasihat, kita ada banyak jabatan dan agensi di bawah kementerian (KPKM) yang boleh membantu belia-belia dan sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang ingin terlibat dalam sektor pertanian.

"Geran itu (Program Agropreneur Muda) bagi belia yang berumur 18 hingga 40 tahun. Mereka yang ingin terlibat dalam sektor agro makanan ini kita bagi geran RM20,000 'in kind'.. tak perlu bayar balik, makna syarat dia muda sahaja" katanya selepas menjadi tetamu dalam rancangan terbitan RTM di sini.

KPKM telah menawarkan lebih 10 bidang bagi industri agro makanan dan pertanian di 15 pusat latihan di seluruh negara.

[#KPKM](#) [#PROGRAM AGROPRENEUR MUDA](#)



< Seterusnya

Seterusnya >

Berita Lain

350 penghuni rumah panjang di Bintulu hilang tempat tinggal

12 September 2024 08:28 PM - [Nasional](#)

MA63: Pemberian khas interim Sabah, Sarawak dinaikkan

12 September 2024 08:25 PM - [Nasional](#)

Setiap negeri digalak anjur Pertandingan Pidato Rukun Negara

12 September 2024 08:10 PM - [Nasional](#)

MOF sumbang 25 bot kepada 10 kampung di Hulu Besut

September 12, 2024

news@malay.news | f | t |

MALAY.NEWS

Top News-3

12 lembu seludup dirampas di tebing Sungai Golok



September 12, 2024 2:26 am



am@hmetro.com.my

Tanah Merah: Tentera Darat Malaysia (TDM) merampas 12 lembu seludup bernilai RM60,000 di tebing Sungai Golok di sempadan Malaysia-Thailand, di sini, 1.15 tengah hari semalam.

Menurut kenyataan Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Divisyen), rampasan berkenaan dilakukan di sektor kawasan Tanggungjawab Briged Kelapan Infantri Malaysia (KTJ 8 Bgd).

“Ketika kejadian, pasukan operasi yang bertugas mengesan tiga orang awam melakukan aktiviti penyeludupan haiwan dengan membawa masuk kesemua lembu merentasi sungai cetek dari Thailand ke Malaysia.

“Bagaimanapun, ketiga-tiga suspek melarikan diri yang mana dua daripada mereka menyeberangi Sungai Golok ke Thailand, manakala seorang lagi memandu pacuan empat roda ke arah jalan utama dan meninggalkan kesemua lembu terbabit.

“Anggota kemudian merampas kesemua haiwan ternakan berkenaan dan membuat laporan di

Balai Polis Lalang Pepuyu, di sini,” katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Haiwan rampasan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang, manakala kes penyeludupan ini akan disiasat oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)

© New Straits Times Press (M) Bhd

Tags : dirampas, Golok, Lembu, seludup, Sungai, tebing



PREVIOUS

Jurulatih 'Wild Boars' terperangkap lagi, kali ini kera... Investigator tells court Arul Kanda had no role in IMD...

NEXT



[Read Full News](#)

[←Back to Home](#)

Recent Posts

RM12 juta perkasa agromakanan

HarianMetro

Thu, Sep 12, 2024 07:01am - 13 hours

[View Original](#)

Serdang: Agrobank dan FarmByte, syarikat agromakanan digital di bawah Johor Corporation (JCorp), memeterai kerjasama strategik dalam usaha mentransformasikan dan memperkukuh landskap pertanian serta sektor agromakanan negara.

Menerusi kerjasama itu, Agrobank memperuntukkan RM12 juta sebagai tanda sokongan kepada Program Pembiayaan Pertanian Ladang Kontrak FarmByte yang merangkumi perbelanjaan operasi ladang.

Program itu memberi tumpuan kepada tanaman seperti terung panjang, terung mini, peria, cili sakata, cili kulai dan bendi yang mana projek perintisnya akan dilancarkan di Johor sebelum dikembangkan ke seluruh negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya berbesar hati diberi peluang bekerjasama dengan FarmByte kerana ia membuka lebih ruang kepada petani berminat untuk menceburkan diri dalam pertanian.

Menurutnya, petani berkaitan akan mendapat bantuan pembiayaan dengan kadar rendah daripada Agrobank.

"Menerusi kerjasama ini, petani juga menerima tunjuk ajar dan ia adalah program yang baik kerana teknologi dan segala bentuk kemudahan disediakan FarmByte.

"Kita akan bayar FarmByte kos berkaitan manakala peruntukan (pembiayaan) diberikan terus kepada petani.

"Cabaran petani adalah modal. Jadi, mereka akan mendapat tunjuk ajar dan peluang dibantu FarmByte daripada hal pertanian hingga pemasaran.

"FarmByte ada pelan perniagaan dan akan keluaran petani daripada masalah, mereka juga ada logistik dan teknologi yang boleh membantu," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Rakan Niaga Strategik antara Agrobank dan FarmByte, di sini, semalam.

Perjanjian perkongsian strategik itu ditandatangani Tengku Ahmad Badli Shah dan CEO FarmByte Syed Aiman Kifli Syed Jaafar.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, kerjasama itu terhasil dengan menawarkan sokongan kewangan dan jaminan pasaran untuk 50 petani dengan bantuan kewangan maksimum sehingga RM239,940 bagi setiap peserta.

"Kami bukan sahaja meningkatkan taraf hidup petani malah menyumbang kepada jaminan bekalan makanan negara.

"Kerjasama ini adalah langkah penting ke arah membina sektor pertanian yang lebih berdaya tahan.

"Agrobank berharap untuk melihat lebih ramai usahawan terbabit dalam sektor pertanian dan kami percaya, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (Maha) adalah satu daripada platform untuk mendekati komuniti yang kurang mendapat perhatian," katanya.

Sementara itu, Syed Aiman Kifli berkata, matlamat FarmByte adalah untuk memperkasa petani dalam menghasilkan tanaman berkualiti dan bernilai tinggi, seterusnya memastikan rantaian nilai agromakanan yang lebih mampan dan menguntungkan.

Katanya, FarmByte akan membantu petani dengan membeli hasil tanaman sekali gus membantu mereka yang tidak tahu tempat untuk dijual dan membuat pembayaran dalam masa cepat.

"Menerusi sokongan Agrobank, kami bukan sahaja dapat menawarkan bantuan kewangan kepada petani tetapi juga alat dan pandangan yang mereka perlukan untuk berjaya dalam pasaran kompetitif.

"Perkongsian itu adalah perjanjian 'offtake' yang terjamin, yang mana FarmByte komited untuk membeli semua hasil tuaian daripada petani yang menyertai program ini.

"Perjanjian ini menyediakan pasaran yang selamat dan stabil kepada petani, mengurangkan risiko kewangan berkaitan dengan pertanian dan memastikan rantaian bekalan yang konsisten," katanya.

[Translate](#)[View Original Article](#)[Share](#)

The content is a snapshot from Publisher. Refer to the original content for accurate info. Contact us for any changes.

Comments

[Login to comment](#)

Utama Terkini Lokal



Nasional Podcast Akhbar Digital



AB Rauf menunjukkan tembikai wangi yang menjadi antara tarikan di MAHA 2024 yang berlangsung sehingga 22 September. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

MELAKA MAHU LAHIR LEBIH RAMAI PENGUSAHA TEMBIKAI WANGI

LIANA SAHABUDIN
KHAMIS, 12 SEPTEMBER 2024 @ 14:20

Masa Membaca: 1 Minit, 20 Saat

SERDANG 12 September – Program Latihan Khas 'Melon to Million' dilaksanakan bagi memberi peluang kepada rakyat Melaka menceburi bidang pertanian secara lebih serius.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata inisiatif baharu itu, sekali gus memberi peluang kepada rakyat Melaka untuk menjana pendapatan dan pada masa yang sama mampu mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang pertanian.

Info Grafik



Tahun Melawat Melaka 2024

MELAKA TV

Pemegang MyKad '04', '30' dan Pemastautin Tetap

10



September - Jom kita dengar apa reaksi orang ramai mengenai tawaran masuk percuma bagi pemegang MyKad '04' '30' dan pemastautin tetap. Tawaran untuk orang Melaka itu adalah sempena Ulang [...]

Dalam...

Ubah saiz

mereka sedang mencari kerja untuk mengikuti Program Latihan Khas 'Melon to Million' ditawarkan.

"Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran pengusaha baharu dalam pengurusan operasi ladang khususnya penanaman tembikai wangi (rock melon).

"Syarikat KMK Agro Global Sdn Bhd dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan program ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pavillion Negeri Melaka pada Sambutan Edisi ke-100 Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor, hari ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin; Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Wira Salihah Salleh; barisan Timbalan Exco Kerajaan Negeri dan lain-lain kenamaan.

11 September – Pelbagai persembahan menarik bakal ditampilkan buat pengunjung yang hadir pada Pesta Pantai Tanjung Bidara yang akan berlangsung bermula Jumaat ini. Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Melaka, Abdul [...]

11 September 2024

jung
ung
PREVIOUS POST

AB Ra
mei
peng
NEXT POST

Menurut Ab Rauf, usaha itu akan memberi nilai tambah kepada pengusaha baharu tembikai wangi dengan menganugerahkan sijil profesional daripada badan diiktiraf seperti Institut Kajian Perladangan UPM.

"Selain itu inisiatif ini turut mendapat kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi menyokong Projek Mengoptimumkan Penggunaan Tanah di bawah Program Keterjaminan Makanan tahun 2024," katanya.